



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PERSIDANGAN WANITA SEDUNIA, POLAND [WARSAW]

Program Wanita Kembali ke Pasaran Kerja atau Program Career Comeback di Malaysia telah mendapat perhatian dan pujian dari seluruh delegasi di Persidangan Wanita Sedunia Warsaw, Poland. Persidangan ini dihadiri oleh Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang dianjurkan di Warsaw, Poland dari 9 Jun 2016 hingga 11 Jun 2016.

Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim mendapat pujian daripada Presiden Global Summit of Women, Irene Natividad kerana di bawah pimpinan beliau, satu program telah dirangka bagi membolehkan mereka yang telah meninggalkan kerja masing-masing atas pelbagai sebab misalnya melaksanakan tanggungjawab reproduktif untuk melahirkan anak, menjaga ibu bapa atau orang kesayangan yang uzur kembali ke pasaran buruh. Beliau menyeru supaya negara-negara lain mencontohi usaha mulia Malaysia ini agar wanita boleh kekal produktif dalam pasaran buruh, yang menjadi salah satu perjuangan utama kaum wanita dalam mencapai kesaksamaan gender.

Dalam pada itu, YB Dato' Sri Rohani juga berkesempatan untuk berkongsi dengan delegasi negara lain berkenaan usaha Kerajaan Malaysia dalam meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh melalui usaha memperbaiki sistem penjagaan kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-kanak dan Waktu Kerja Anjal yang membolehkan penambahan bilangan wanita dalam pasaran buruh.

“Program Life at Work Awards telah berjaya memikat pihak swasta mengambil bahagian dalam membantu menyediakan persekitaran kerja yang lebih mesra kepada pekerja wanita dan keluarga serta memberi penghargaan kepada syarikat-syarikat yang telah mengambil inisiatif yang bukan sahaja dalam menambahkan bilangan pekerja wanita tetapi meningkatkan mutu dan keupayaan wanita di tempat kerja. Kerjasama erat antara Kerajaan dan pihak swasta untuk membudayakan usaha ini akan menjamin pembangunan negara yang mampan dan seimbang untuk seluruh rakyat Malaysia,” kata YB Dato’ Sri Rohani semasa menghadiri Persidangan Wanita Sedunia Warsaw, Poland.

Tema bagi persidangan tahun ini adalah *“Women: Building an Inclusive Economy in the Digital Age”* melibatkan penyertaan dari 74 negara dari seluruh dunia dengan seramai 1000 peserta. Hari pertama persidangan ini merupakan Perbincangan Meja Bulat Peringkat Menteri yang melibatkan menteri-menteri dari 20 negara iaitu Algeria, Azerbaijan, Cameroon, Egypt, France, Germany, Iceland, Kazakhstan, Liberia, Luxembourg, Malaysia, Mexico, Morocco, Philippines, Poland, Portugal, South Africa, South Korea, United Kingdom dan Vietnam. Tema bagi Perbincangan Meja Bulat Menteri-Menteri ini ialah *Public/Private Sector Partnership Advancing Women’s Economic Opportunities*.

Perbincangan Meja Bulat kali ini telah dipersembahkan dalam bentuk yang berlainan. Bagi tahun-tahun sebelum ini, setiap negara diberikan peluang untuk membentangkan ‘amalan terbaik’ dalam negara-negara masing-masing. Tetapi dalam Perbincangan Meja Bulat kali ini, perbincangan telah dipecahkan kepada dua iaitu *Ministerial Best Practices 1* yang bertajuk *“Accelerating Women’s Economic Progress”* dan *Ministerial Best Practices 2* yang bertajuk *“Expanding Economic Horizons”*.

YB Dato' Sri Rohani turut berkesempatan meluangkan masa untuk bertemu dan berbuka puasa bersama para pelajar dan rakyat Malaysia di Rumah Malaysia, Warsaw, Poland. Beliau akan meneruskan perjalanan ke New York untuk menghadiri *9th Session of Conference of State Parties to the Committee on the Rights of Person with Disabilities.*

###

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
12 Jun 2016